



UniMAP Raih Gangsa

Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2006



Pada tanggal 6 Februari 2007 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah memenangi Gangsa untuk Kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahun 2006. Penganugerahan ini adalah bertujuan untuk memberi kredit dan pengiktirafan kepada tokoh, media wartawan dan organisasi-organisasi yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini merupakan sebahagian dari usaha kerajaan untuk menjadikan amalan kerja yang selamat dan sihat sebagai sebahagian daripada budaya rakyat Malaysia.

Pengiktirafan Gangsa yang diraih bagi kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah melonjak nama UniMAP sebagai Institusi terbaik yang sentiasa komited dalam merealisasikan hasrat untuk menyediakan suasana kerja yang selamat dan sihat kepada seluruh warga UniMAP dan juga para pelawat yang berkunjung ke UniMAP. Turut menerima anugerah ialah Jabatan Kimia Sarawak yang menerima Emas, manakala Jabatan Kimia Sabah merangkul Perak.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. kepada, Y.Bhg Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor UniMAP pada Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diadakan di Berjaya Times Square Hotel and Convention Center Kuala Lumpur.

Anugerah ini telah mempertandingkan 20 kategori yang merangkumi pelbagai bidang pekerjaan seperti pengilangan, industri kecil dan sederhana, pembinaan serta pertanian. Buat julung-julung kalinya, UniMAP telah dicalonkan bagi kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pemilihan UniMAP adalah berdasarkan pencalonan yang telah dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Cawangan Kedah/Perlis. UniMAP telah berjaya melalui dua peringkat saringan yang mengambilkira semua dokumentasi mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dilaksanakan di UniMAP untuk dikaji oleh juruaudit dan diadili oleh empat buah agensi kerajaan lain yang dipilih dari seluruh Malaysia.

